

Terma dan Syarat yang Mentadbir Depositori Maklumat Kebangsaan

1. Tafsiran

Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Terma dan Syarat ini mempunyai maksud seperti berikut:-

"Akaun" bermakna mana-mana akaun deposit anda yang dibuka atau dikekalkan dengan kami kecuali untuk akaun FunSaver, akaun mata wang asing, akaun simpanan tetap dan Akaun Bersama.

"ID Biasa" bermaksud pengenalan unik pemegang akaun seperti: -

- (a) dalam kes individu, untuk warganegara Malaysia, nombor telefon bimbit anda yang didaftarkan dengan kami, Kad Pengenalan, Nombor Tentera, Nombor Polis atau untuk individu bukan warganegara Malaysia, nombor pasport atau nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan kami; atau
- (b) dalam kes bukan individu, nombor pendaftaran perniagaan atau nombor telefon bimbit anda yang didaftarkan dengan kami; atau
- (c) apa-apa lain pengenal pasti yang mungkin diperkenalkan oleh Pengendali NAD dari semasa ke semasa.

"DuitNow" atau **"Perkhidmatan DuitNow"** bermaksud perkhidmatan yang membolehkan anda memulakan dan menerima pemindahan kredit melalui nombor akaun penerima atau ID DuitNow.

"DuitNow ID" bermaksud ID Biasa yang didaftarkan dan dikaitkan dengan akaun yang anda kekalkan dengan kami.

"Akaun Bersama" bermaksud mana-mana akaun deposit dibuka atau dikekalkan dengan kami yang dipegang oleh lebih daripada seorang individu dan pengendalian akaun tersebut memerlukan mandat lebih daripada seorang individu.

"Malware" bermaksud virus komputer, pepijat atau perisian lain yang berniat jahat, perisian pemusnah dan perosak, kod, agen, program atau makro, dan/atau skim memancing data (phishing) atau kejuruteraan sosial yang menggunakan perisian komputer atau telekomunikasi untuk mendapatkan data peribadi atau mana-mana maklumat peribadi lain untuk tujuan jahat atau palsu.

"Depositori Maklumat Kebangsaan" (*National Addressing Depository* atau "NAD") bermaksud depositori maklumat pusat yang ditubuhkan oleh Pengendali NAD yang mengaitkan akaun bank kepada ID DuitNow penerima dan memudahkan pelaksanaan pembayaran kepada penerima dengan merujuk kepada ID DuitNow penerima.

"Pertanyaan Nama NAD" bermaksud perkhidmatan yang menghantarkan nama pemilik yang telah mendaftarkan ID DuitNow beliau di NAD.

"Pengendali NAD" bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) (No Syarikat: 836743-D).

"Data Peribadi" bermaksud apa-apa maklumat berhubung dengan transaksi komersial yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada seseorang individu, yang dikenal pasti atau dapat dikenal pasti dari maklumat yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama individu, alamat, nombor kad pengenalan, nombor pasport, maklumat perbankan, alamat e-mel dan butiran hubungan.

"Terma dan Syarat" bermaksud terma dan syarat yang mentadbir penggunaan NAD.

"Kami" atau **"Kita"** merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd dan termasuk semua

pengganti hak milik dan pemegang serah hak.

"Anda" atau "Kamu" merujuk kepada pelanggan kami yang menggunakan NAD.

2. Terma dan Syarat

- a. Terma dan Syarat ini akan dibaca bersama dengan terma dan syarat masing-masing yang mentadbir Akaun, yang boleh didapati di laman web kami di www.uob.com.my atau di mana-mana cawangan kami ("Terma Lain").
- b. Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidaksejajaran antara Terma dan Syarat ini dan Terma Lain, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan untuk perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan NAD.

3. Perkhidmatan NAD

- a. Perkhidmatan NAD membolehkan anda untuk mengaitkan Akaun ke ID Biasa ("DuitNow ID") anda dan anda mempunyai pilihan untuk menerima wang untuk dimasukkan ke Akaun melalui DuitNow atau apa-apa perkhidmatan pembayaran lain yang melaksanakan pembayaran dengan menggunakan ID DuitNow anda.
- b. Selepas anda berjaya mendaftarkan ID DuitNow anda dengan NAD, ID Biasa anda akan digunakan oleh bank-bank lain yang turut menyertai NAD untuk tujuan mengenal pasti anda, sebagai sebahagian daripada memudahkan Perkhidmatan DuitNow.
- c. Anda boleh mengaitkan lebih daripada satu ID DuitNow anda ke akaun yang sama. Bagaimanapun, anda tidak boleh mengaitkan ID DuitNow tertentu ke pelbagai akaun.

4. Pendaftaran ID DuitNow

- a. Anda boleh meminta untuk mengaitkan ID Biasa anda dengan Akaun anda dan mendaftarkannya sebagai ID DuitNow untuk Akaun tersebut melalui Perbankan Internet Peribadi kami, Mighty App atau mana-mana cawangan kami. Anda akan menerima pengesahan daripada kami melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) apabila pendaftaran berjaya.

5. Pengubahsuaian dan Pembatalan ID DuitNow anda

- a. Anda boleh mengemas kini atau mengubah akaun yang dikaitkan dengan ID DuitNow anda melalui Perbankan Internet Peribadi kami, Mighty App atau di mana-mana cawangan kami dengan syarat akaun baru yang akan dikaitkan dengan ID DuitNow anda mesti merupakan akaun yang dikekalkan dengan kami. Kami memerlukan tempoh masa yang munasabah untuk melaksanakan perubahan kemas kini tersebut.
- b. Anda memahami dan bersetuju bahawa ID DuitNow yang dikaitkan dengan akaun anda mungkin akan digantung dan/atau dibatalkan oleh kami menurut budi bicara tunggal kami tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada anda, di bawah mana-mana keadaan berikut:
 - i. jika anda telah mengubah atau mengemas kini ID DuitNow anda;
 - ii. jika anda telah menutup Akaun anda yang dikaitkan dengan ID DuitNow anda;

- iii. jika nombor mudah alih yang anda berikan kepada kami sebagai ID DuitNow anda telah ditamatkan dan/atau dikitar semula untuk digunakan oleh orang lain;
- iv. jika ID DuitNow anda tidak digunakan untuk melaksanakan pembayaran untuk tempoh minimum 12 bulan;
- v. jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa anda, ID DuitNow anda dan/atau Akaun anda mungkin terlibat dalam apa-apa aktiviti penipuan, perubahan wang haram atau menyalahi undang-undang;
- vi. jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ID DuitNow yang dikaitkan dengan Akaun Islam dan/atau akaun Islam mungkin terlibat dalam sebarang aktiviti tidak patuh Shariah;
- vii. jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, tidak waras, tidak mampu bayar, bankrup atau digulung, dalam pembubaran atau tertakluk kepada prosiding kehakiman;
- viii. jika siasatan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia masih belum selesai, berterusan atau terancam terhadap anda;
- ix. sekiranya berlaku kejadian keingkaran di bawah mana-mana perjanjian atau perjanjian lain di antara kami; atau
- x. keadaan lain seperti yang kami anggap sesuai.

Anda akan menerima pengesahan daripada kami melalui SMS sebaik sahaja perubahan, pengubahsuaian atau pembatalan pendaftaran telah dilaksanakan.

6. Maklumat Anda

- a. Anda menyatakan dan menjamin bahawa ID DuitNow yang digunakan untuk pendaftaran NAD dimiliki oleh anda, adalah betul, lengkap dan terkini untuk penggunaan Perkhidmatan DuitNow dan anda akan memaklumkan kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan kepada ID DuitNow dan/atau ID Biasa yang disediakan kepada kami.
- b. Anda mengakui dan bersetuju bahawa bank peserta NAD lain boleh melakukan siasatan Nama NAD terhadap ID DuitNow Anda untuk tujuan mengesahkan/mengenal pasti nama anda pada ID DuitNow yang didaftarkan, sebagai sebahagian daripada memudahkan Perkhidmatan DuitNow.
- c. Anda mengakui dan bersetuju dengan pendedahan ID DuitNow anda, ID Biasa anda dan Data Peribadi berkaitan lain kepada Pengendali NAD untuk pemprosesan, penyimpanan, dan diarkibkan serta pendedahan kepada pengirim dana di bawah Perkhidmatan DuitNow, ahli gabungan kami, pembekal perkhidmatan, peserta NAD lain dan pihak ketiga yang menyediakan Perkhidmatan DuitNow dan pelanggan masing-masing mereka.
- d. Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami boleh mendedahkan maklumat ID DuitNow anda kepada sesiapa yang kami tidak wajib untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau di mana ia adalah untuk kepentingan awam, contohnya, untuk mencegah dan mengesan sebarang penipuan dan penyalahgunaan.

7. Perlindungan Data

- a. Persetujuan anda dan hak kami untuk mendedahkan maklumat adalah sebagai tambahan kepada, dan tanpa menjejaskan hak yang diberikan kepada anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan mana-mana undang-undang lain yang terpakai di Malaysia.
- b. Kami hanya akan mendedahkan, menggunakan dan memproses ID DuitNow anda untuk tujuan memudahkan Perkhidmatan DuitNow.
- c. Kami ada langkah-langkah keselamatan yang munasabah (termasuk teknikal dan organisasi) terhadap pemrosesan ID DuitNow Anda yang tidak sah atau menyalahi undang-undang.
- d. Kami akan memaklumkan anda secepat mungkin jika ID DuitNow anda hilang, dimusnahkan, atau rosak, tercela atau tidak dapat digunakan.

8. Liabiliti

- a. Kami dan Pengendali NAD tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi yang anda mungkin alami atau ditanggung akibat daripada, termasuk tetapi tidak terhad:
 - i. kegagalan anda untuk mengekalkan maklumat terkini dan kegagalan anda untuk menyediakan maklumat yang tidak tepat kepada kami;
 - ii. pematuhan kami dengan apa-apa arahan yang diberikan atau yang kononnya diberikan oleh anda yang dipercayai munasabah kepada seseorang yang menerima arahan tersebut;
 - iii. apa-apa penyalahgunaan atau apa-apa penggunaan ID DuitNow yang didakwa atau palsu oleh anda termasuk keadaan di mana penipuan dalam talian dilakukan dengan menggunakan sebarang Perisian Hasad (Malware);
 - iv. sebarang pendedahan maklumat yang anda telah mengizinkan kami untuk mengumpul, menggunakan atau mendedahkan atau di mana sebarang pengumpulan, penggunaan atau pendedahan dibenarkan atau diperlukan untuk didedahkan menurut undang-undang terpakai di Malaysia.

9. Pelbagai

- a. Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan rekod-rekod yang berkaitan dengan NAD termasuk tetapi tidak terhad kepada pendaftaran dan pembatalan mana-mana ID DuitNow.
- b. Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kami berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, NAD, pendaftaran dan pembatalan mana-mana ID DuitNow serta penggunaan NAD, penguatkuasaan, atau percubaan pengekalan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat dan apa-apa pengenaan cukai di bawah undang-undang cukai atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, akan dibayar oleh anda atas permintaan pada dasar tanggung rugi penuh, bersama dengan faedah/caj bayaran lewat dari tarikh permintaan hingga ke tarikh pembayaran penuh mengikut kadar yang ditentukan oleh kami.
- c. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan, tindakan, permintaan, kos, perbelanjaan, kerugian dan ganti rugi (sebenar dan turutan) termasuk kos undang-undang yang ditanggung atau dialami oleh kami yang timbul atau disebabkan oleh kami berkaitan dengan pendaftaran dan pembatalan ID DuitNow dan penggunaan NAD.

- d. Sehingga takat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, anda bersetuju untuk menanggung rugi kami dan memastikan kami sentiasa dilindungi sepenuhnya daripada kerugian sepanjang masa terhadap sebarang tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh) yang timbul dalam apa cara sekalipun daripada tindakan kami berhubung dengan pendaftaran dan pembatalan DuitNow ID dan penggunaan NAD.
- e. Jika mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini dibatalkan, tidak boleh dikuat kuasa atau menjadi tidak sah, peruntukan yang selebihnya dalam Terma dan Syarat ini terus berkesan dan berkuat kuasa dan tidak terjejas dalam apa-apa cara oleh peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan.
- f. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk yang langsung atau turutan) untuk kegagalan mematuhi atau melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat atas sebab yang tidak dapat dikawal atau dicegah oleh kami dengan ketekunan yang wajar, termasuk tetapi tidak terhad kepada mogok, malapetaka, bencana alam, kebakaran, banjir, ribut, rusuhan, kekurangan kuasa elektrik atau bekalan elektrik terputus, gangguan kuasa elektrik akibat peperangan, sabotaj atau ketidakupayaan untuk mendapatkan tenaga kerja yang mencukupi, bahan api atau utiliti.
- g. waris, wakil peribadi dan pengganti anda akan terikat kepada Terma dan Syarat ini.
- h. Anda mengakui bahawa kami berhak untuk menukar, mengubah atau mengubah suai Terma dan Syarat ini dengan memberi anda notis dua puluh satu (21) hari mengikut kaedah yang kami anggap sesuai dan anda bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang telah dibatalkan atau diubah atau diubah suai.

Terma dan Syarat ini akan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan anda bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.